

**CADANGAN PEMBANGUNAN LANDSKAP BAGI MAKTAB
PERGURUAN PEREMPUAN MELAYU, DURIAN DAUN,
MELAKA.**

YAP HUAN LIN

**Tesis ini telah dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada
syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Senibina Landskap**

**Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

MAC, 2005

ABSTRAK

Landskap mempunyai pengaruh yang penting dan bermakna dalam mewujudkan sebuah kampus yang berjaya selaku tempat pengajaran dan pembelajaran, serta pernyataan komuniti. Ia mentakrifkan ruang untuk pengajaran dan pembelajaran luar bilik, menggalakkan interaksi sosial dan menguatkan kesatuan seluruh kampus. Pemahaman bahawa landskap sebagai bahasa yang setara dengan senibina seharusnya dijadikan aspek utama dalam perancangan dan rekabentuk kampus. Namun, landskap seringkali diabaikan dalam perancangan dan rekabentuk sesebuah kampus. Tujuan utama menjalankan projek ini adalah untuk mengkaji perancangan dan rekabentuk kampus secara umumnya, dan menjurus kepada peranan landskap dalam perancangan dan rekabentuk kampus secara lebih mendalam. Kajian ini memberi fokus pada isu pembangunan di Maktab Perguruan Perempuan Melayu, Durian Daun, Melaka (MPPM), iaitu rekabentuk kampus tokok-tambah (*ad-hoc design*), kampus yang berorientasikan kenderaan dan pengabaian landskap dalam perancangan dan senireka kampus. Ini kerana peringkat akhir projek ini adalah untuk menghasilkan pembangunan yang komprehensif untuk MPPM.

ABSTRACT

Landscape is undoubtedly has significant and strong influence in making a campus succeed as a teaching instrument and as an expression of the community. It defines distinct setting for outdoor learning and teaching, foster social interaction, and strengthens the unity of the entire campus. An understanding of landscape as language equal and parallel to the architecture should be a central aspect in campus making. However, landscape is often an afterthought in campus planning and design. The intention of this study is to study about the planning and design of campus in general, and the landscape roles in campus planning and design in detail. The study will focus on the development issue of Maktab Perguruan Perempuan Melayu, Durian Daun, Melaka (MPPM), including the ad-hoc design, campus oriented by vehicles, and the overlooked landscape in campus planning and design. This is due to the final stage of this project is a comprehensive development for the MPPM.